



كوفراسي فقاوي كرايما نكري نذرع وارا لاسا برمر
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

Tarikh: 20 Julai 2025
24 Muharam 1447 Hijrah

Kepada:
Semua anggota
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-70

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-70 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad akan diadakan pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 23 Ogos 2025 (Sabtu) bersamaan 29 Safar 1447 Hijrah
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Arena, Stadium Sultan Abdul Halim, Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar, Kedah.

2. Anggota-anggota dengan hormatnya dipersilakan hadir. Pendaftaran bermula jam 8.00 pagi hingga jam 9.00 pagi.

3. Agenda Mesyuarat;

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
2. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga untuk menentusah draf minit Mesyuarat Agung Ke-70.
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-69 yang telah diadakan pada 28 Jun 2024.
4. Memilih 3 orang anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut Peruntukan Seksyen 36(1) Undang-undang Kecil Koperasi:

1. Haji Anuar bin Ibrahim
2. Haji Munir bin Badrul Jamil
3. Haji Shahbani bin Ibrahim

5. Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi Tahun 2024.
6. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 berserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.
7. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.
8. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2026:

- i. Bahagian Kredit
- ii. Cawangan Stesen Minyak Petronas Alor Setar
- iii. Cawangan MyTayar
- iv. Cawangan Stesen Minyak Caltex Changloon
- v. Cawangan Ar-Rahnu Alor Setar
- vi. Cawangan Ar-Rahnu Guar Chempedak
- vii. Cawangan Stesen Minyak Shell Jalan Langgar
- viii. Cawangan Perniagaan Gas Petron
- ix. Cawangan Stesen Minyak Petron Alor Sena, Perlis
- x. Cawangan Stesen Minyak Petron Changloon
- xi. Cawangan Ar Rahnu Arau, Perlis
- xii. Belanjawan Modal/Aset

9. Meluluskan pelantikan satu panel Juruaudit Luar yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2025 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.
 10. Memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pembiayaan wang tidak lebih daripada RM30juta dengan kadar keuntungan tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pembiayaan tersebut tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
 11. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
 12. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-undang Kecil dan Aturan–aturan Koperasi.
 13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.
4. Tuan/Puan yang berhasrat untuk mengemukakan apa-apa usul di dalam Mesyuarat Agung kali ini hendaklah menyampaikan usul tersebut kepada Setiausaha Koperasi tidak lewat dari 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.
 5. Semua anggota boleh melayari laman sesawang www.kopkedah.com.my atau imbas QR CODE di bawah untuk mendapatkan maklumat mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Ke-70 termasuk muat turun Buku Mesyuarat Agung Kali Ke 70.



Dengan Perintah Lembaga,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'ZABIDI'.

.....
(ZABIDI BIN AHMAD)

Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Negeri Kedah,
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan Anak Bukit,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Mu'adzam Shah,
06550 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.